

22/08/1997

Bukit gondol? Bisikkan kepada Dr M

Dr Zaini Ujang

SEORANG profesor kejuruteraan alam sekitar dari England terpegun dengan kebersihan Kuala Lumpur.

Dalam lawatan singkatnya ke KL minggu lalu, beliau meluahkan rasa takjubnya kepada saya betapa rakyat Malaysia semakin mesra alam, tidak seperti tahun sebelumnya!

Ketika lawatannya ke KL pada tahun lalu, beliau dapati sampah-sarap bertaburan di tepi jalan, dan bau longkang begitu memualkan.

Masalah jerebu pula menyebabkan beliau tidak berminat, malah 'takut' untuk bersiar-siar di KL. Wah, kini KL bersih dan indah, katanya.

Saya menokok, itulah hasil kempen kebersihan alam sekitar selama ini! Bagaimanapun, akhirnya - selepas mendapat maklumat daripada beberapa bekas pelajarnya - profesor berkenaan tahu juga bahawa kebersihan KL itu sebenarnya bersifat superficial.

Kebersihan yang secara tiba-tiba itu berpunca daripada kemarahan Perdana Menteri terhadap sikap masyarakat yang pengotor, khususnya selepas lawatan Perdana Menteri Pakistan beberapa minggu lalu.

Apabila Perdana Menteri melahirkan rasa kecewanya terhadap kebersihan Bukit Bintang yang dicemari sampah-sarap, maka semua pihak yang terbabit bertungkus-lumus menjalankan seribu satu macam tindakan dengan segera untuk memastikan KL bersih.

Syarikat yang diberikan kontrak mengutip dan membersihkan sampah semakin giat dan rajin beroperasi. Bahkan pihak penguasa pula - barangkali untuk buat pertama kalinya dalam sejarah - melancarkan operasi Antikotor.

Khabarnya sehingga kini lebih 300 orang dikenakan tindakan kerana membuang sampah merata-rata.

Menurut pihak DBKL, Operasi Antikotor itu telah menampakkan kesan positif terhadap warga kota. Hal ini terbukti dengan kebersihan di beberapa kawasan tumpuan orang ramai seperti di sekitar Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bangsar dan sebagainya.

Namun, persoalannya apakah tindakan drastik yang tegas oleh pihak berkuasa itu akan berkekalan - atau sekadar secara bermusim? tindakan tersebut, apakah orang ramai lebih bersikap proaktif terhadap kebersihan, bukan saja di KL malah di tempat lain?

Apakah masyarakat kita akan lebih peka terhadap kebersihan sungai, pantai dan longkang? Apakah usahawan kita akan lebih bertanggungjawab membendung masalah hakisan tanah ketika melaksanakan sesuatu projek pembangunan?

Apakah pemimpin negara yang secara pentadbiran tidak terbabit secara langsung dengan pengawasan dan pengawalan alam sekitar akan turut prihatin?

Soalan ini sebenarnya berkait rapat dengan masalah sebenar yang kita hadapi dalam menangani isu alam sekitar.

Perlu juga ditegaskan bahawa masalah kita bukan sekadar menghadapi kerenah orang ramai yang suka membuang sampah merata-rata.

Kita pada dasarnya menghadapi masalah lebih rumit dan kronik. Gejala masalah itu ialah sikap tidak prihatin di kalangan orang ramai terhadap kebersihan alam sekitar.

Mereka seakan-akan berasa tidak bersalah ketika membuang sampah, begitu juga mencemarkan alam sekitar dengan cara lain seperti membakar sampah di halaman rumah, membuang minyak ke dalam longkang dan sebagainya.

Kesalahan itu jika dilakukan secara individu memang tidak begitu serius

kesannya kepada keseimbangan alam sekitar. Namun , jika kesalahan itu dilakukan secara kolektif, maka kesan akumulasinya begitu ketara.

Demikianlah pada hemat saya - punca jerebu sejak kebelakangan ini. Memang kita tidak nafikan faktor transboundary pollution daripada negara jiran. Tetapi, masalah pembakaran terbuka juga ketara di Malaysia khususnya secara kecil-kecilan pada waktu petang.

Biasanya selepas pulang dari tempat kerja, kita akan membersihkan halaman rumah. Sesudah menyapu sampah, biasanya kita akan membakar sampah tersebut khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Pada suatu peringkat, kesan pembakaran tersebut hanya ketara pada peringkat tempatan. Bagaimanapun jika aktiviti tersebut berleluasa maka kesannya akan turut ketara pada skala meso dan makro.

Akhirnya - apatah lagi jika turut dipengaruhi oleh pencemaran udara dari negara jiran - berlakulah fenomena berjerebu.

Gawatnya pencemaran di Malaysia ketika ini bukan hanya terhad kepada ruang udara, bahkan air khususnya sungai dan tasik. Puncanya ialah sikap kita sendiri!

Oleh itu, persoalan strategik yang perlu kita jawab ketika ini ialah apakah kaedah untuk kita mewujudkan kepekaan dan keprihatinan secara berkekalan di kalangan orang ramai terhadap alam sekitar?

Pada hemat saya persoalan alam sekitar ini perlu dilihat dari perspektif nilai dan agama. Saya sudah menulis tiga buku menjelaskan hubungan antara pencemaran alam sekitar dengan faktor kemanusiaan terutama agama.

Baru-baru ini Persatuan Pengguna Pulau Pinang pula menerbitkan buku terjemahan berjudul Islam dan Ekologi.

Sehubungan ini, usaha perlu digiatkan supaya ajaran agama mengenai alam sekitar disebarluaskan. Ajaran Islam, sebagai contoh, lengkap dengan konsep ideal mengenai kosmologi, ekologi dan perundangannya.

Saya yakin usaha yang bersifat in-out paradigm itu boleh meningkatkan lagi iltizam dan keprihatinan orang ramai terhadap alam sekitar dan kebersihannya.

Demikianlah sekadar beberapa catatan mengenai kisah profesor dan sampah-sarap di KL. Sebelum berpisah dengan profesor tersebut, saya sempat berpesan : "Jika Perdana Menteri Tony Blair berkunjung ke Malaysia nanti, tolong profesor sampaikan dua mesej kepada beliau.

Pertama, setibanya di KL, pujilah Malaysia dengan keindahannya yang mempesona.

Kedua, bisikkan kepada Dr Mahathir betapa sungai Gombak begitu tercemar, sebahagian bukit-bukau di Ampang gondol dan udara KL berjerebu!"

(END)